



COOP

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**SESI BERSAMA PRESIDEN ANGKASA
16 FEBRUARI 2024 (JUMAAT)**



coop

9.00 PAGI AUDITORIUM ANGKASA

Terima kasih Saudara/Saudari
pengacara majlis,

(Protokol sapaan)



Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh Salam Malaysia Madani,
Salam Perpaduan dan Salam Koperasi

**Hadirin Hadirat warga ANGKASA yang
dikasihi sekalian**

1. Marilah kita semua panjatkan syukur kehadrat Allah S.W.T kerana



dengan IzinNya kita sekali lagi dapat berhimpun dan berjumpa dalam Sesi Bersama Presiden bagi bulan Februari 2024.

2. Selamat datang juga saya ucapkan kepada Anggota Lembaga, Pengerusi JPAN, warga kerja ANGKASA serta anak syarikat/subsidiari yang turut



hadir samada secara fizikal mahupun secara dalam talian.

3. Sesi yang diadakan pada setiap bulan ini merupakan wadah untuk kita semua melihat kepada pencapaian terkini ANGKASA dan gerakan koperasi secara keseluruhan dan melihat tindakan yang boleh kita aplikasikan



dalam memastikan organisasi ini kekal berdaya maju dalam landskap ekonomi masa kini.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dikasihi sekalian

4. Seperti yang kita semua sudah maklum Mesyuarat Agung Negeri ANGKASA (MAN) untuk tahun 2024 akan



diadakan dalam masa tidak sampai dua minggu sahaja lagi. MAN merupakan platform yang penting untuk menonjolkan pencapaian ANGKASA samada di pusat dan juga negeri – negeri dalam usaha berterusan pembangunan gerakan koperasi di seluruh negara.



5. Selain itu ianya adalah wadah untuk ANGKASA bersama anggotanya berbincang dan membuat keputusan yang akan memberi impak kepada perjalanan koperasi secara keseluruhan. Inilah masa kita tunjukkan kepada koperasi anggota di negeri – negeri bahawa telah banyak program dan usaha sama yang telah dijalankan



dakam meningkatkan pertumbuhan koperasi. ANGKASA telah memberi KPI kepada setiap negeri dan ini antara perkara yang sepatutnya ditonjolkan oleh setiap JPAN.

6. Adalah amat penting MAN ianya dapat berjalan bebas gangguan atau masalah teknikal yang tidak diingini.



Persiapan mesyuarat ini memerlukan koordinasi yang rapat antara ANGKASA pusat dan juga JPAN dalam memastikan segala urusan berkaitan penganjurannya dapat dikelola dengan cekap. Penilitian terhadap keperluan peralatan, teknikal, dan logistik yang diperlukan harus diberi



perhatian agar mesyuarat ini dapat berjalan dengan lancar.

7. Saya juga mahu kita dapat memikirkan dan memastikan bahawa segala permasalahan yang mungkin timbul sebelum atau semasa mesyuarat dapat difikirkan dan diselesaikan dengan sebaiknya. Ini bagi



memastikan kita dapat mengaplikasikan penyelesaian segera terhadap sebarang cabaran yang mungkin timbul.

8. Saya yakin dengan kerjasama dan kesungguhan kita semua, Mesyuarat Agung Negeri kali ini akan menjadi satu medan untuk kita semua



membuat keputusan penting dalam mencorakkan perjalanan koperasi di negara ini. Terima kasih diucapkan atas usaha semua pihak yang bakal terlibat dalam perjalanan MAN 2024.

**Dato'-Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan
yang dikasihi sekalian**



9. Pada hari ini juga kita akan menyaksikan Majlis Penyampaian Hadiah kepada **10 peserta COOPCARE Cabaran Langkah Penghijauan Malaysia yang telah mengumpulkan jumlah langkah tertinggi melebihi 100,000 langkah** daripada 177 peserta yang berdaftar. Program yang telah dianjurkan pada bulan Disember 2023



oleh Bahagian Komunikasi Korporat ini bertujuan untuk menggalakkan warga ANGKASA untuk lebih aktif melalui aktiviti fizikal disamping memberi sumbangan kepada penanaman pokok hutan.

10. Menurut Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) kadar



obesity rakyat di negara ini adalah 50.1 peratus. Ini bermakna separuh daripada warganegara mempunyai masalah berat badan. Obesiti juga menjadi penyumbang kepada masalah kesihatan lain khususnya penyakit darah tinggi.



11. Justeru saya berharap aktiviti seperti ini dapat dijalankan dengan lebih kerap dan dapat disemai dalam diri kakitangan kerana dengan badan yang sihat, sudah tentu output kerja yang lebih produktif dapat dihasilkan. Aktiviti fizikal juga meningkatkan disiplin diri, mengurangkan stress dan



memberi kebaikan kepada kesihatan mental.

12. Bagi mengimbangi galakan kesihatan fizikal, ANGKASA hari ini menjemput penceramah untuk memberi input berkenaan Kepentingan Kesihatan Mental di Tempat Kerja. Isu kesihatan mental dan tekanan emosi dalam



coop

kalangan pekerja perlu dipandang serius dan ditangani dengan berhemah.

13. Saya mahu pihak Bahagian Pembangunan Sumber Manusia bertindak proaktif dengan mengenalpasti dan memberikan intervensi awal kepada mana-mana



pekerja yang mengalami tekanan dan menjaga kerahsiaan supaya stigma tidak berlaku dalam kalangan warga ANGKASA.

14. Kecergasan dalam bentuk fizikal atau mental akan menyumbang kepada pembangunan warga kerja yang sentiasa berfikiran positif, berdaya



maju dan berusaha untuk memajukan diri.

15. Saya harap kita semua dapat melakukan yang terbaik untuk MAN 2024 dan meningkatkan peranan ANGKASA dalam pelbagai sektor ekonomi di Malaysia. Semoga permuafakatan warga ANGKASA terus



kukuh, komitmen dan prestasi kita terus meningkat dan *mindset* kita sentiasa cergas untuk membuat keputusan yang tepat dan bijaksana untuk memberi impak positif kepada ANGKASA dan gerakan koperasi, Insy'a'Allah.



coop

Sekian wabillahitaufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.